

# **Persepsi Ibu Bapa Terhadap Pendidikan Prasekolah Kerajaan Dan Swasta Di Daerah Segamat**

M. Al-Muz-Zammil B. Yasin & Jayanthi A/P S. Murugesu  
Fakulti Pendidikan  
Universiti Teknologi Malaysia

**Abstrak :** Kajian dilakukan untuk mengenalpasti tahap komunikasi interpersonal di kalangan 150 murid di empat buah sekolah di Tumpat kelantan. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini diubahsuai daripada inventori *Tennessee Self-Concept Scale (TSCS)*. Sebanyak 40 item soalselidik telah dibina bagi mewakili dimensi yang dikaji. Nilai Alpha Cronbach bagi soalselidik yang telah diubahsuai ialah 0.84. Dapatkan kajian menunjukkan tahap komunikasi interpersonal secara keseluruhannya berada pada tahap sederhana dengan nilai min 3.12. Beberapa cadangan telah diberikan bagi mengukuhkan komunikasi interpersonal pelajar. Antaranya adalah aktiviti yang diadakan di sekolah mestalah difokuskan kepada pembinaan komunikasi interpersonal pelajar. Selain daripada itu, aktiviti seperti debat dan pengucapan awam sepatutnya digalakkan bagi meningkatkan kemahiran komunikasi pelajar.

**Abstract :** This research or study was conducted to determine the level of interpersonal communication among 150 year-six students in four schools in Tumpat, Kelantan. The instrument used in this study was adapted from the Tennessee Self-Concept Scale (TSCS) inventory. A number of 40 items were constructed to represent the subscales studied. The Alpha Cronbach value for the adapted questionnaire was 0.84. The findings of the study showed that the overall interpersonal communication level was at an average level with a mean value of 3.12. A few suggestions were proposed in order to strengthen the students' interpersonal communication. Among the suggestions is that the activities held in school should be focus towards building students' interpersonal communication skills. In addition to that, activities like debate, and public speaking should be made active to improve the communication skills among the students.

*Katakunci :* persepsi ibu bapa, pendidikan prasekolah kerajaan, swasta

## **Pengenalan**

Kajian ini dijalankan untuk melihat komunikasi interpersonal murid Tahun 6. Komunikasi inter personal murid dilihat samada pada tahap tinggi, sederhana atau rendah.

Pemboleh ubah adalah perkara yang diletak nilai untuk tujuan analisis dan kajian serta terdapat dua jenis pemboleh ubah, pertama pemboleh ubah bebas (tidak bersandar), dalam kajian komunikasi interpersonal bebas dari ukuran, kedua pemboleh ubah luar (tak dikaji) iaitu latar belakang murid terdiri daripada jenis jantina.

## **Pernyataan masalah**

Komunikasi interpersonal amat penting bagi setiap individu khususnya murid-murid. Sehubungan itu pengkaji ingin melihat apakah tahap komunikasi interpersonal murid-murid Tahun 6 berdasarkan kepada dimensi-dimensi yang telah ditetapkan. Kemahiran komunikasi interpersonal akan dapat membantu mereka menilai diri sendiri dan seterusnya mengambil langkah sewajarnya untuk berubah menjadi murid yang cemerlang.

### **Objektif kajian :**

1. Mengenal pasti tahap komunikasi interpersonal murid Tahun 6 berdasarkan Model Humanistik bagi ciri-ciri keterbukaan, empati, dukungan, sikap positif dan kesaksamaan.
2. Mengenal pasti tahap komunikasi interpersonal murid Tahun 6 berdasarkan Model Pragmatik bagi cirri-ciri keyakinan sosial, kebersamaan, daya ekspresif, pengurusan interaksi dan orientasi lain.

### **Kepentingan Kajian**

Kajian yang akan dilaksanakan akan memberi impak yang bermanfaat kepada :

1. Memberi kesedaran kepada murid-murid tentang pentingnya komunikasi interpersonal untuk mengubah sikap dan tingkah laku dirinya sendiri dan rakannya juga boleh memberi galakan untuk memberanikan diri mereka mengendalikan sesuatu tugas yang diamanahkan.
2. Sebagai panduan kepada murid-murid dalam proses komunikasi kerana hubungan murid-murid melalui komunikasi interpersonal dalam keluarga, majlis sosial, organisasi dan kehidupan bermasyarakat memainkan peranan penting dalam membentuk personaliti seseorang individu.
3. Sebagai panduan kepada murid-murid untuk meningkatkan tahap konsep kendiri seterusnya mahir dalam komunikasi interpersonal dan matlamat akhirnya untuk meningkatkan pencapaian akademik yang tinggi.

### **Kajian tentang komunikasi interpersonal**

Hannaycutt dan Zagacki (1990) telah membuat sebuah kajian bertajuk ‘Imagined interaction and Interpersonal Communicatian’ yang menunjukkan hasil daripada percakapan yang akan dijalankan menunjukkan hubungan yang rapat semasa membicarakan sebuah topik yang umum mahupun peribadi. ‘Imagined interaction’ merupakan proses kognitif iaitu seseorang individu mengharapkan suatu hasil atau pengalaman daripada sebuah perbicaraan dengan orang lain dan juga merupakan bentuk komunikasi interpersonal iaitu berkait rapat dengan matlamat seseorang dalam berkomunikasi (Rosenblatt dan Meyer,1986 dalam :Honney cutt dan Zagacki,1990 halaman 1).

Kajian yang dibuat oleh Zorn dan Violanti (1996) berfokuskan perkembangan sistem interpersonal construct individu (Individual's interpersonal construct system development ) seperti mempunyai perbezaan diri (berlainan dengan individu lain) dan hubungannya dengan kemampuan komunikasi seperti kepuasan diri. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa individu yang mempunyai perbezaan diri yang jelas mempunyai kejayaan yang lebih besar dalam organisasinya berbanding individu yang kurang pembentukan yang menggunakan pendekatan pemasukan diri dalam berkomunikasi memperoleh kejayaan yang lebih baik berbanding dengan individu yang kurang menggunakan pemasukan diri semasa berkomunikasi. Dapatkan kajian ini juga menunjukkan bahawa kemampuan komunikasi sangat penting untuk memperoleh ganjaran dalam organisasi seperti kenaikan pangkat dan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC).

Coyle (1993) menyatakan bahawa berinteraksi dengan orang di sekeliling seperti ahli keluarga, kawan sekolah, guru, kawan sekerja dan pegawai atasan akan memberi maklum balas tentang diri seseorang individu.

Orang-orang ini sangat berpengaruh terhadap konsep kendiri seseorang individu sama ada positif atau negatif. Beliau juga menambah bahawa komunikasi interpersonal dapat memberi

kesan kepada konsep kendiri seseorang kerana komunikasi yang dijalankan dengan orang lain mengandungi persepsi orang itu terhadap diri seseorang individu.

### **Kaedah kajian**

Kajian ini dikendalikan dengan menggunakan satu set borang soal selidik yang dikemukakan kepada setiap respondan untuk mendapatkan maklumat yang berkaitan komunikasi interpersonal murid Tahun 6 di sekolah rendah dalam jajahan Tumpat.

### **Sampel kajian**

Pemilihan subjek kajian melibatkan persampelan (proses mendapat sampel dari populasi). Respondan adalah murid yang menjawab soalan-soalan soal selidik iaitu dikalangan murid-murid di sekolah rendah dalam jajahan Tumpat. Subjek terdiri daripada murid Tahun 6 (150 orang). Perimeter (ukuran ciri populasi) iaitu maklumat yang berkaitan dengan komunikasi interpersonal.

Populasi kajian adalah murid-murid Sekolah rendah dalam jajahan Tumpat. Sampel kajian terdiri daripada murid-murid Tahun 6.

Pemilihan populasi kajian iaitu murid-murid sekolah rendah dalam jajahan Tumpat kerana bentuk penyelidikan berbentuk kualitatif dengan penyelidik terlibat secara langsung sebagai pentadbir bagi salah satu daripada sekolah yang terlibat dalam kajian. Pemilihan murid Tahun 6 ialah kerana kualiti iaitu sampel yang dipilih bersesuaian, berfikiran agak matang dan sudah memasuki alam remaja.

Bilangan sampel yang dikaji adalah 150 orang murid iaitu 36 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Sri Tumpat 1, 40 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Sri Tumpat 2, 40 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Kelaboran dan 34 orang murid dari Sekolah Kebangsaan Tumpat.

**Jadual 1 Penentuan saiz sampel, Krejcik, R.V & Morgan, D.W**

<b>Bilangan Populasi, n</b>	<b>Bilangan Sampel, s</b>
10	10
15	14
20	19
80	66
100	80
150	108
200	132
210	136
220	140
230	144
240	148
250	152

### **Instrumen kajian**

Instrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah satu set borang soal selidik yang mengandungi 2 bahagian iaitu bahagian A dan bahagian B.

#### **Bahagian A**

Terdiri daripada item-item yang berkaitan dengan latar belakang respondan. Respondan dikehendaki menandakan ruangan yang telah disediakan di dalam borang soal selidik dengan tujuan untuk mendapatkan maklum balas mengenai biodata. Biodata ini diperlukan untuk mengenal pasti kumpulan murid dari segi jantina.

### **Bahagian B**

Soal selidik yang mengandungi item komunikasi interpersonal menggunakan skala perkadaran 5 mata (5 point rating scale). Respondan memilih dan menanda jawapan berdasarkan skala 1 hingga 5 iaitu:

**Jadual 2: Skala perkataan 5 mata digunakan dalam soal selidik komunikasi interpersonal**

Nilai	Skala	Singkatan
1	Sangat tidak setuju	STS
2	Tidak setuju	TS
3	Tidak pasti	TP
4	Setuju	S
5	Sangat setuju	SS

Menurut Abdullah (2001), komunikasi interpersonal boleh dibahagikan kepada dua model iaitu Model Humanistik dan Model Pragmatik. Model Humanistik dapat dibahagikan kepada lima dimensi iaitu dimensi keterbukaan, empati, dukungan, sikap positif dan kesaksamaan. Manakala model pragmatik juga terbahagi kepada lima dimensi iaitu dimensi keyakinan social, kebersamaan, daya ekspresif, pengurusan interaksi dan orientasi lain.

**Jadual 3 Taburan item dalam soal selidik**

Bilangan	Bahagian	Konstrak	No. Item
1	Latar belakang	Jantina	1
2	Komunikasi interpersonal	<b>Modal humanistik</b>	
		a) keterbukaan	2,3,4,5
		b) empati	6,7,8,9
		c) dukungan	10,11,12,13
		d) sikap positif	14,15,16,17
		e) kesaksamaan	18,19,20,21

### **Prosedur kajian**

Untuk mendapatkan maklum balas yang sah dan boleh dipercayai, langkah-langkah berikut dilakukan oleh pengkaji semasa mengedarkan set soal selidik kepada respondan.

- i. memohon kebenaran daripada pentadbir sekolah-sekolah yang terlibat dengan mengedarkan borang soal selidik.
- ii. memberi penerangan kepada respondan untuk menjawab soalan dan borang soal selidik.
- iii. memperuntukkan masa yang sesuai kepada respondan untuk menjawab semua soalan.
- iv. mengumpulkan semula borang soal selidik yang telah dijawab oleh respondan.
- v. menganalisis data dari set soalan soal selidik yang telah dikumpulkan.
- vi. memastikan proses pengajaran dan pembelajaran tidak terganggu semasa soalan selidik dijalankan.

### **Kajian Rintis**

Satu kajian rintis telah dibuat sebelum kajian sebenar dilakukan. Menurut De Vaus (1996) kajian rintis perlu dibuat sebelum sesebuah kajian sebenar dijalankan bagi menjamin kurangnya ralat dalam kajian sebenar kerana kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik telah diuji.

Tujuan kajian rintis dibuat dalam kajian ini ialah bagi menguji kebolehpercayaan dan kesahan soal selidik yang digunakan di dalam kajian sebenar. Sepuluh (10) orang murid tahun 6 yang bukan daripada responden sebenar telah diambil secara rawak. Terdiri daripada 5 murid lelaki dan 5 murid perempuan.

Hasil kajian rintis menunjukkan bahawa beberapa item dalam soalan soal selidik perlu diperjelaskan lagi. Perkara ini penting kerana ada beberapa responden agak kabur dengan perkataan-perkataan yang terdapat dalam soal selidik antaranya perkataan prejaudis.

### **Analisis Data Bahagian A**

Bahagian ini terdiri daripada tiga item yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat mengenai latarbelakang responden iaitu jantina serta pencapaian akademik dan gred purata diperingkat sekolah. Hanya item pencapaian akademik dianalisis kerana mengikut batasan kajian yang dijalankan. Hasil analisis yang telah dibuat adalah seperti berikut.

**Jadual 4 : Analisis Jantina Responden**

<b>Jantina</b>	<b>Bilangan</b>	<b>Peratus</b>
Lelaki	47	31.30
Perempuan	103	68.70
Jumlah	150	100.00

### **Analisis Tahap Komunikasi Interpersonal**

Hasil dapatan tentang komunikasi interpersonal murid telah dianalisis dengan menggunakan pendekatan iaitu melihat komunikasi interpersonal keseluruhan responden samada tinggi, sederhana atau rendah.

### **Dapatan Persoalan Kajian Tahap Komunikasi Interpersonal**

**Jadual 5 : Taburan Responden Mengikut Tahap Komunikasi Interpersonal**

<b>Tahap komunikasi interpersonal</b>	<b>Bilangan murid</b>	<b>Peratus (%)</b>
Tinggi	51	34.00
Sederhana	67	44.67
Rendah	32	21.33
<b>Jumlah</b>	<b>150</b>	<b>100</b>

Berdasarkan jadual 5 dapatan kajian keseluruhan komunikasi interpersonal responden menunjukkan bahawa 67 orang responden menunjukkan tahap komunikasi interpersonal yang sederhana dengan skala ‘tidak pasti’ yang berada pada tahap peratus tertinggi iaitu 44.67 peratus. Bilangan murid mendapat tahap komunikasi interpersonal yang tinggi kala ‘setuju’ iaitu seramai 51 orang, ia merupakan 34.00 peratus, manakala bilangan responden yang berada pada tahap komunikasi interpersonal yang rendah dengan skala ‘tidak setuju’ adalah seramai 32 orang yang mewakili 21.33 peratus yang meliputi sampel kajian.

**Jadual 6 : Nilai Min Komunikasi Interpersonal.**

	<b>Bilangan</b>	<b>Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>
Komunikasi Interpersonal	150	3.12	0.398

Berdasarkan jadual 6, dapatan kajian menunjukkan min keseluruhan untuk komunikasi interpersonal dengan nilai min 3.12. Nilai min tersebut menunjukkan tahap komunikasi interpersonal keseluruhan responden pada tahap sederhana ditentukan melalui jadual 7.

**Jadual 7 : Nilai Keseluruhan Alpha Cronbach (Kebolehpercayaan) Instrumen Kajian.**

<b>No</b>	<b>Aspek/Ciri</b>	<b>Nilai Alpha Cronbach</b>
1	Komunikasi interpersonal – Model Humanistik	0.85

**Jadual 8 : Taburan Responden Mengikut Model Humanistik - Ciri Keterbukaan (Item no. 2, 3, 4 , 5)**

<b>Tahap Komunikasi Interpersonal</b>	<b>Skala</b>	<b>Bilangan Murid</b>	<b>Peratus (%)</b>	<b>Min</b>
Tinggi	Setuju	64	42.67	3.29
Sederhana	Tidak pasti	64	42.67	Sederhana
Rendah	Tidak setuju	22	14.66	
Jumlah		150	100	

Berdasarkan jadual 8, dapatan kajian bagi Model Humanistik dengan ciri keterbukaan menunjukkan bahawa 64 orang responden menunjukkan tahap komunikasi interpersonal yang tinggi dengan skala “setuju” berada pada peratus tertinggi iaitu 42.67 peratus. Manakala seramai 64 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang sederhana dengan skala “tidak pasti” yang meliputi 42.67 peratus dan seramai 22 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang rendah dengan skala “tidak setuju” yang meliputi 14.66 peratus daripada sampel kajian. Min tertinggi 3.63 item no 3, min terendah 2.80 item no 2. Purata min adalah 3.29 dan berada pada tahap sederhana.

**Jadual 9 : taburan responden Mengikut Model Humanistik-v Ciri Empati (Item no 6,7,8,9)**

<b>Tahap komunikasi interpersonal</b>	<b>Skala</b>	<b>Bilangan Murid</b>	<b>Peratus</b>	<b>Min</b>
Tinggi	Setuju	44	29.33	3.00
Sederhana	Tidak pasti	65	44.33	Sederhana
Rendah	Tidak setuju	41	27.34	
Jumlah		150	100	

Berdasarkan jadual 9, dapatan kajian bagi Model Humanistik dengan ciri empati menunjukkan bahawa 44 orang responden menunjukkan tahap komunikasi interpersonal yang tinggi dengan skala “setuju” berada pada peratus iaitu 29.33 peratus. Manakala seramai 65 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang sederhana dengan skala “tidak pasti” yang meliputi 44.33 peratus dan seramai 41 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang rendah dengan skala “tidak setuju” yang meliputi 27.34 peratus daripada sampel kajian. Min tertinggi 3.35 item no 6, min terendah 2.79 item no 8. Purata min adalah 3.00 dan berada pada tahap sederhana.

**Jadual 10 : Taburan Responden Mengikut Model Humanistik - Ciri Dukungan (Item no. 10, 11, 12, 13)**

Tahap komunikasi interpersonal	Skala	Bilangan murid	Peratus (%)	Min
Tinggi	Setuju	45	30.00	3.12
Sederhana	Tidak pasti	81	54.00	Sederhana
Rendah	Tidak setuju	24	16.00	
Jumlah		150	100.00	

Berdasarkan jadual 10, dapatan kajian bagi Model Humanistik dengan ciri dukungan menunjukkan bahawa 45 orang responden menunjukkan tahap komunikasi interpersonal yang tinggi dengan skala “setuju” berada pada peratus iaitu 30.00 peratus. Manakala seramai 81 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang sederhana dengan skala “tidak pasti” yang meliputi 54.00 peratus dan seramai 24 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang rendah dengan skala “tidak setuju” yang meliputi 16.00 peratus daripada sampel kajian. Min tertinggi 3.26 item no 10, min terendah 3.01 item no 11. Purata min adalah 3.12 dan berada pada tahap sederhana.

**Jadual 11 : taburan Responden Mengikut Model Humanistik-Ciri Sikap Positif (Item no 14,15,16,17)**

Tahap komunikasi interpersonal	Skala	Bilangan murid	Peratus (%)	Min
Tinggi	Setuju	33	22.00	2.81
Sederhana	Tidak pasti	63	42.00	Sederhana
Rendah	Tidak setuju	54	36.00	
Jumlah		150	100.00	

Berdasarkan jadual 11 dapatan kajian bagi Model Humanistik dengan ciri sikap positif menunjukkan bahawa 33 orang responden menunjukkan tahap komunikasi interpersonal yang tinggi dengan skala “setuju” berada pada peratus tertinggi iaitu 22.00 peratus. Manakala seramai 63 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang sederhana dengan skala “tidak pasti” yang meliputi 42.00 peratus dan seramai 54 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang rendah dengan skala “tidak setuju” yang meliputi 36.00 peratus daripada sampel kajian. Min tertinggi 3.09 item no.17, min terendah 2.35 item no. 15. Purata min adalah 2.81 dan berada pada tahap sederhana.

**Jadual 12 : Taburan Responden Mengikut Model Humanistik- Ciri Kesaksamaan (Item no. 18, 19, 20, 21)**

Tahap komunikasi interpersonal	Skala	Bilangan murid	Peratus (%)	Min
Tinggi	Setuju	39	26.00	3.00
Sederhana	Tidak pasti	75	50.00	Sederhana
Rendah	Tidak setuju	36	24.00	
Jumlah		150	100.00	

Berdasarkan jadual 12, dapatan kajian bagi Model Humanistik dengan ciri kesaksamaan menunjukkan bahawa 39 orang responden menunjukkan tahap komunikasi interpersonal yang tinggi dengan skala “setuju” berada pada peratus tertinggi iaitu 26.00 peratus. Manakala seramai 75 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang sederhana dengan akala “tidak pasti” yang meliputi 50.00 peratus dan seramai 36 orang responden yang mendapat tahap komunikasi interpersonal yang rendah dengan skala “tidak setuju” yang meliputi 24.00 peratus daripada sampel kajian. Min tertinggi 3.16 item no 1, min terendah 2.85 item no 19. Purata min adalah 3.00 dan berada pada tahap sederhana.

### **Perbincangan**

Tahap komunikasi interpersonal ada pada murid-murid umumnya pada tahap komunikasi interpersonal yang sederhana dan hanya sedikit murid yang mempunyai komunikasi interpersonal yang tinggi dan rendah. Coyle (1993) menyatakan bahawa berinteraksi dengan orang di sekeliling seperti ahli keluarga, kawan sekolah, guru, kawan sekerja, dan pegawai atasan akan memberi maklum balas tentang diri seseorang individu. Beliau juga menambahkan bahawa komunikasi interpersonal dapat memberi kesan kepada konsep kendiri seseorang kerana komunikasi yang dijalankan dengan orang lain mengandungi persepsi orang itu terhadap diri seseorang individu. Pengkaji berpendapat, komunikasi interpersonal sederhana memadai kerana peranannya dalam sistem pembelajaran sudah cukup sekadar berkomunikasi dengan golongan-golongan yang penting dan boleh dikatakan diam bukan bererti tidak mengerti.

### **Rumusan**

Pada umumnya dapat disimpulkan bahawa dapatan kajian telah menunjukkan keputusan yang baik da perkiraan dapat mewakili keseluruhan murid Tahun 6 di sekolah-sekolah dalam Jajahan Tumpat yang pada umumnya berada pada tahap komunikasi interpersonal yang sederhana.

### **Rujukan**

- Azizi Yahaya (2007). Menguasai Penyelidikan Dalam pendidikan. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn.
- Beaty, J.J. (1988). Skills for Preschool Teachers. 3rd.ed. Colombus: Merril Publishing Company
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000), "Kamus Dewan Edisi Ketiga," Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Halimah Abd.Rahman (1993). Pengurusan Dan Pengelolaan Pusat Prasekolah. Kuala Lumpur: Fajar Bakti.
- Hendrick,J. (1986). Total Learning and Curriculum for the Young Child. Colombus: Merril Publishing Company.
- Leeper et.al (1970). Good School for Young Children. Fourth Edition. New York: Macmillan Publishing Company.
- Maslow, A.H. (1976). Motivation and Personality. New York: Harper and Row Publisher.
- Mohd.Sharani Ahmad (2004). Mengurus Kanak-kanak Yang Susah Belajar. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Nani Menon (2002). Panduan Kognitif Kanak-kanak Prasekolah. Pahang: PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Piaget, J (1970). Curriculum for the Preschool-Primary Child: A Review of the Research. Ohio: Merril

- Putri Zabariah Megat Abd.Rahman (1994). Keberkesanan Program TABIKA Kemas. Laporan Kajian.
- Putri Zabariah Megat Abd.Rahman (2006). Tadika Berkualiti. Bentong: PTS Professional
- Rohani Abdullah (2003). Panduan Kuriulum Prasekolah. Pahang : PTS Publications & Distributors Sdn.Bhd.
- Rohaty Mohd.Majzub (1989). Pendidikan Prasekolah. Petaling Jaya: Fajar Bakti.
- Sharizan Hasan (2005). Panduan Mearancang Aktiviti Prasekolah. Bentong, Pahang: PTS Professional.
- Zaimah Awang (2000). Pembelajaran kanak-kanak prasekolah (4-6 tahun) untuk pengecaman objek Melalui rangkaian internet. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.